

# BAB SATU

## PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

Istilah dakwah merupakan satu istilah yang merujuk kepada suatu bentuk mekanisme yang diguna pakai dalam usaha penyebaran dan penyampaian ajaran Islam. Dakwah Islam perlu dilihat dan difahami dalam konteks yang lebih luas merangkumi semua aspek penyebaran melibatkan kaedah serta metode yang mendasari seluruh ruang dan aspek kehidupan manusia.<sup>1</sup> Dakwah tidak terhad semata-mata kepada pemahaman tradisional yang sempit yang hanya merujuk kepada ceramah agama dan aktiviti pengajian di masjid atau surau sahaja. Dakwah juga tidak terhad kepada usaha golongan agama sahaja, bahkan dakwah adalah satu tugas yang perlu dilakukan oleh setiap umat Islam. Kejayaan dakwah Islam akan dapat dicapai melalui penglibatan semua pihak dan semua umat Islam secara bersepadu, meliputi keseluruhan bidang kehidupan termasuklah ekonomi, politik, muamalat dan sebagainya demi kepentingan dakwah Islamiah.<sup>2</sup> Melalui bab ini, pengkaji akan membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan seperti latar belakang kajian, masalah kajian, objektif kajian, metodologi kajian, kepentingan kajian, dan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian.

---

<sup>1</sup> Badlihisam Mohd Nasir, "Falsafah Dakwah Parti Islam SeMalaysia (PAS) : Satu Tinjauan" (Kertaskerja, Seminar Falsafah Dan Peradaban Pembangunan Di Alaf Baru, Bangi, Selangor, 11-12 September 2000).

<sup>2</sup> Abdullah Muhammad Zin, "Dakwah Dan Perubahan Sosial Menuju Alaf Baru," dalam *Dakwah Dan Perubahan Sosial*, ed. Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim, dan Ideris Endot (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2000), 3-11.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Selepas kemerdekaan tanah Melayu pada tahun 1957, gerakan dakwah di Malaysia telah berkembang dengan begitu meluas. Dengan deretan kewujudan gerakan-gerakan yang aktif dalam menyebarkan dakwah Islam sama ada melalui agensi kerajaan mahupun NGO, ianya telah menyemarakkan lagi usaha dakwah di Malaysia. Gerakan dakwah terus berkembang dan ianya tampak lebih jelas dan tersusun.<sup>3</sup> Antara agensi kerajaan yang aktif dalam gerakan dakwah ialah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (1974), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (1960) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (1968). Selain itu, gerakan dakwah juga bergerak aktif melalui NGO seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (1971), Jemaah Tabligh (1950), Persekutuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (1961), Jemaah Islah Malaysia (1990), dan sebagainya.<sup>4</sup>

Kegiatan dakwah di Malaysia turut bergerak aktif melalui landasan politik kepartian. Ab. Aziz Mohd Zin menjelaskan bahawa parti politik yang banyak memberi sumbangan kepada perkembangan dakwah di Malaysia adalah merujuk kepada dua parti pimpinan orang Melayu iaitu UMNO dan PAS.<sup>5</sup> Sumbangan kedua-dua parti politik ini terhadap perkembangan dakwah Islam di Malaysia sememangnya tidak boleh dinafikan walaupun keduanya mempunyai aliran pemikiran politik yang berbeza antara satu sama lain.<sup>6</sup> Jika dilihat pada sumbangan UMNO<sup>7</sup>, ianya lebih banyak tertumpu kepada penubuhan institusi-institusi dan badan yang berkaitan hal ehwal Islam, bersesuaian

---

<sup>3</sup> Ab. Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 1997), 180.

<sup>4</sup> Syarul Azman Bin Shahrudin, "Keberkesanan Metode Dakwah Jemaah Tabligh Masjid Jamek Bandar Baru Seri Petaling Kuala Lumpur" (Disertasi, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006), 1.

<sup>5</sup> Ab. Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam Di Malaysia* (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2006), 46.

Juga lihat Ahmad Kamar Bin Abdul Rahman, "Parti Islam SeMalaysia Di Peringkat Negeri (Kedah) Dan Di Peringkat Kawasan ( Kubang Pasu ) : Satu Kajian Tentang Agama, Politik, Dan Kepimpinan" (Tesis kedoktoran, Jabatan Antropologi Dan Sosiologi Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1984), 11.

<sup>6</sup> Ab. Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam Di Malaysia*, 46.

<sup>7</sup> UMNO atau *United Malays National Organisation* asalnya ialah *United Malays Organisation* (UMO). Ditubuhkan pada 11 Mei 1946 oleh Dato' Onn Ja'afar dengan matlamat menentang gagasan Malayan Union anjuran British ke arah kemerdekaan Tanah Melayu. Selain itu, UMNO juga ditubuhkan bagi menjaga kepentingan orang Melayu daripada penjajahan kuasa asing di Tanah Melayu.

dengan peranannya sebagai parti yang mengetuai pemerintahan di Malaysia. Manakala PAS pula,<sup>8</sup> ianya lebih menjurus kepada penerbitan bahan media cetak, mengembangkan institusi pendidikan agama dan penubuhan koperasi.

Apabila parti-parti politik dilihat dari sudut pembabitan mereka terhadap dakwah Islam di Malaysia, ianya lebih merujuk kepada Parti Islam SeMalaysia (PAS). Tanpa menafikan sumbangan parti-parti lain terhadap perkembangan dakwah Islam, PAS dilihat lebih menyerlah dengan kegiatan-kegiatan dakwah bersesuaian dengan identiti yang ditonjolkan oleh parti tersebut sebagai sebuah parti Islam. Pada masa yang sama, di antara tujuan penubuhan PAS ialah untuk menjadi satu wadah perjuangan ke arah mendapatkan kuasa politik yang akhirnya akan membentuk sebuah negara Islam.<sup>9</sup>

Badlihisam Mohd Nasir menjelaskan bahawa perjuangan Islam melalui organisasi dakwah dibahagikan kepada dua kategori. Kategori pertama adalah yang bersifat politik manakala kategori kedua adalah yang bersifat *non-political*. Beliau telah meletakkan beberapa contoh organisasi pada kategori dakwah yang bersifat politik, di antaranya ialah PAS, Parti Berjasa, dan Parti Hamim manakala tidak pula memasukkan UMNO sebagai sebuah parti politik Islam.<sup>10</sup>

Tanggungjawab dakwah untuk menegakkan *amar ma'rūf nahi munkar* tidak akan mampu dilaksanakan sebaik mungkin melainkan dengan hanya apabila umat Islam mempunyai kuasa politik (kerajaan). Ini kerana, hanya melalui sebuah kerajaan sahaja yang mampu melaksanakan perintah dan larangan mahupun untuk mewujudkan sebuah

---

<sup>8</sup> PAS atau Parti Islam SeMalaysia, asal namanya ialah Persatuan Islam SeTanah Melayu yang secara rasminya ditubuhkan pada 26 Safar 1371H bersamaan 24 November 1951. Namun idea penubuhan PAS diilhamkan pada 21 Zulkaedah 1370H bersamaan 23 Ogos 1951. Presiden PAS yang pertama ialah Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan. Pendekatan formatif PAS dengan penekanan terhadap prinsip-prinsip Islam telah banyak menarik perhatian masyarakat.

<sup>9</sup> Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia" (Tesis kedoktoran, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005), 116.

<sup>10</sup> Badlihisam Mohd Nasir, "Islamic Movements in Malaysia : A Study of Da'wah in PAS and ABIM" (Tesis kedoktoran, University of Birmingham, 1998), 84.

negara yang menguatkuasakan undang-undang Allah.<sup>11</sup> Atas dasar inilah Hassan Shukri menjelaskan bahawa di antara tujuan penubuhan PAS ialah untuk berdakwah, menegakkan *amar ma'rūf nahī munkar*.<sup>12</sup> Manakala kuasa politik dan pemerintahan dijadikan PAS sebagai pentas atau wasilah untuk berdakwah kepada masyarakat.

Sehingga kini kewujudan PAS telah banyak memberi sumbangan positif dalam perkembangan dakwah Islam khususnya di Malaysia. Walaubagaimanapun, pengkombinasian antara dakwah dan politik yang dilakukan oleh PAS telah dinafikan oleh sesetengah pihak yang menyatakan bahawa dakwah dan politik adalah dua perkara yang tidak boleh dicampuradukkan. Hal ini berlaku berdasarkan kepada beberapa faktor tertentu. Antaranya ialah tekanan politik semasa dan juga kesan daripada pengaruh ideologi yang dibawa oleh Barat yang memisahkan agama dan politik.

Tekanan dan cabaran yang dihadapi tidak sesekali menjadi titik noktah kepada perjuangan PAS untuk menegakkan syiar Islam. Bahkan, PAS dilihat semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat. Kewujudan PAS sebagai sebuah parti politik Islam telah mampu melaksanakan dakwah dengan lebih meluas kepada masyarakat. Kuasa politik yang dimiliki dapat mewakili suara-suara dan kehendak rakyat yang mementingkan tertegaknya syiar dan hukum Islam. PAS dilihat berbeza dengan pertubuhan dakwah yang lain. Ini kerana PAS menjadikan politik sebagai saluran dakwah. Manakala bagi sesetengah pertubuhan dakwah yang lain, mereka tidak meletakkan politik sebagai suatu keutamaan bahkan dakwah mereka bergerak dalam rangka kerja yang tersendiri.

---

<sup>11</sup> *Ibid.*, 129.

<sup>12</sup> Hassan Shukri, *Ke arah Memahami Penubuhan, Perlembagaan, Pengurusan dan Pentadbiran PAS* (Sementa : Badan Perhubungan PAS Negeri Selangor, 2000), 9.

Gerakan dakwah Jemaah Tabligh merupakan satu contoh gerakan dakwah yang melihat politik dari perspektif berbeza berbanding dengan PAS. Namun begitu, Jemaah Tabligh juga merupakan salah satu badan dakwah yang banyak memberi sumbangan kepada usaha awal pergerakan dakwah di Tanah Melayu.<sup>13</sup> Bahkan sehingga kini gerakan ini merupakan sebuah gerakan dakwah yang mempunyai puluhan ribu pengikut sekali gus membuktikan pengaruhnya semakin tersebar meluas dalam masyarakat tempatan mahupun antarabangsa.

Kehadiran gerakan Jemaah Tabligh ke Malaysia berlaku sekitar tahun 1950-an dan ia pada mulanya berkembang di kalangan orang-orang India Muslim sahaja. Tokoh yang membawa dan memperkenalkan gerakan ini di Malaysia ialah Maulana Abdul Malik Madani. Gerakan Jemaah Tabligh telah berpusat di Masjid India, Kuala Lumpur.<sup>14</sup> Pada tahun 1970-an, gerakan Jemaah Tabligh telah mula mendapat sambutan di kalangan orang Melayu. Gerakan ini juga telah tersebar kuat di negeri Kelantan, Pulau Pinang dan Terengganu.<sup>15</sup> Pada tahun 1977, sebanyak 20 buah masjid di Kuala Lumpur yang dijadikan pusat gerakan Jemaah Tabligh. Manakala pada tahun 1993, pusat Jemaah Tabligh Malaysia telah berpindah ke Masjid Jamek Bandar Baru Seri

---

<sup>13</sup> Ab. Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam Di Malaysia*, 28.

<sup>14</sup> Syarul Azman Bin Shahrudin, "Keberkesanan Metode Dakwah Jemaah Tabligh Masjid Jamek Bandar Baru Seri Petaling Kuala Lumpur", 56.

<sup>15</sup> Pada tahun 1970-an, gerakan Jemaah Tabligh semakin tersusun dengan terbinanya pusat gerakan atau markaz utama. Antara pusat atau markaz gerakan Jemaah Tabligh di Pulau Pinang ialah Masjid Kapitan Keling, Georgetown, Masjid Benggali, Leith Street dan Madrasah Manābi al-'Ulūm di Penanti Bukit Mertajam. Manakala di Kelantan, gerakan Jemaah Tabligh telah menjadikan Masjid Kubang Kerian sebagai markaz utama. Walaubagaimanapun, setelah melakukan beberapa pertukaran tapak markaz, gerakan Jemaah Tabligh telah berpindah ke Masjid Dusun Raja Kota Bharu pada tahun 1987 dan telah menjadikannya sebagai markaz utama Jemaah Tabligh di Kelantan sehingga kini. Sila lihat Syarul Azman Bin Shahrudin, "Keberkesanan Metode Dakwah Jemaah Tabligh Masjid Jamek Bandar Baru Seri Petaling Kuala Lumpur", 37.

Juga lihat Haji Muhammad Idris Bin Ibrahim, "Pergerakan Islam Dalam Sejarah Sosial Di Malaysia Antara Tahun 1975-1985" (Disertasi, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999), 199.

Juga lihat Wan Noraini Wan Ahmad, "Jemaah Tabligh : Satu Tinjauan Di Kota Bharu, Kelantan Darul Naim", (Latihan Ilmiah, Jabatan Usuluddin Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995), 66.

Petaling bahkan sehingga kini ia berfungsi sebagai pusat utama gerakan Jemaah Tabligh di Malaysia untuk menguruskan ahli-ahli Jemaah Tabligh dan gerakan dakwahnya.<sup>16</sup>

Walaupun, Jemaah Tabligh sehingga kini tidak pernah diisytiharkan secara rasmi sebagai satu pertubuhan ataupun persatuan. Mereka lebih kepada sebuah gerakan yang bebas dan bergerak dengan cara mereka sendiri. Berdasarkan daripada kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa Jemaah Tabligh seolah-olah telah mengecualikan gerakan mereka daripada terlibat dengan isu-isu politik semasa.<sup>17</sup> Ini kerana, aspek utama gerakan dakwah Jemaah Tabligh adalah penumpuan terhadap tarbiah, pembentukan akhlak dan pendidikan serta penyuburan iman kepada Allah S.W.T. Oleh itu, kepekaan mereka terhadap permasalahan dan isu yang timbul baik dari segi politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan sebagainya kurang diberi perhatian.<sup>18</sup>

Samsiah Abu Bakar menjelaskan bahawa politik merupakan satu perkara yang tidak dibenarkan untuk dibawa ke dalam gerakan dakwah Jemaah Tabligh. Ini kerana, perbincangan-perbincangan yang berunsurkan politik dikhuatiri akan mewujudkan perselisihan pendapat dan perpecahan di kalangan ahli. Walaupun, beberapa responden yang ditemui telah mendakwa terhadap keterlibatan mereka dengan parti-parti politik. Pada masa yang sama, kajian menjelaskan bahawa ada juga di kalangan

---

<sup>16</sup> Syarul Azman Bin Shaharuddin, "Keberkesanan Metode Dakwah Jemaah Tabligh Masjid Jamek Bandar Baru Seri Petaling Kuala Lumpur", 56.

<sup>17</sup> Zarifah Yusof, "Jemaah Tabligh di Dungun : Suatu Kajian Tentang Penerimaannya di Kalangan Masyarakat Dungun" (Latihan Ilmiah, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999), 63.

Juga lihat Zaitun Binti Mohamed, "Dakwah Jemaah Tabligh di Markaz Fathul 'Ulūm" (Latihan Ilmiah, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003), 67.

Juga lihat Samsiah Abu Bakar, "Jemaah Tabligh : Peranannya Dalam Perkembangan Islam Masa Kini dan Pandangan Masyarakat Terhadapnya. Satu Tinjauan di Negeri Terengganu Darul Iman" (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1992), 120.

<sup>18</sup> Syarul Azman Bin Shaharuddin, "Keberkesanan Metode Dakwah Jemaah Tabligh Masjid Jamek Bandar Baru Seri Petaling Kuala Lumpur", 177.

responden yang menolak perihal politik semasa bahkan tidak mahu mengundi apabila menjelang musim pilihan raya.<sup>19</sup>

Kesinambungan daripada kajian-kajian lepas, maka pengkaji merasakan adalah perlu untuk mengkaji secara tepat dan berfakta terhadap sejauhmanakah persepsi Jemaah Tabligh terhadap politik dan sejauhmanakah persepsi Jemaah Tabligh terhadap kewujudan Parti Islam SeMalaysia yang berperanan sebagai sebuah badan politik (siasah) dan sebagai sebuah badan dakwah. Selain itu, kajian ini juga akan memfokuskan kepada persepsi Jemaah Tabligh terhadap pelaksanaan dakwah yang dilakukan oleh PAS.

### **1.3 PERMASALAHAN KAJIAN**

Kajian ini dilakukan berdasarkan kepada beberapa permasalahan kajian yang timbul.

Di antaranya ialah :

1. Sememangnya politik yang dianjurkan Islam hendaklah selari dengan syarat dan syarak yang telah ditetapkan. Melihat kepada konteks dakwah, peranan politik sememangnya sangat penting dalam memperkasakan lagi usaha dakwah Islamiah. Politik itu sebenarnya telah lama wujud dalam Islam. Malah pelaksanaan politik berlandaskan Islam secara tidak langsung akan memberi sumbangan kepada perkembangan dakwah Islamiah. Namun begitu, disebabkan tekanan politik semasa maka politik dan Islam mahupun dakwah Islam telah dianggap sebagai perkara yang berbeza. Politik dianggap sebagai satu perkara yang kotor berbanding agama yang suci. Anggapan ini juga wujud disebabkan oleh pengaruh daripada kemunculan ideologi sekularisme Barat yang

---

<sup>19</sup> Samsiah Abu Bakar, "Jemaah Tabligh : Peranannya Dalam Perkembangan Islam Masa Kini dan Pandangan Masyarakat Terhadapnya. Satu Tinjauan di Negeri Terengganu Darul Iman", 128.

memisahkan urusan duniawi daripada agama. Anggapan dan ideologi sekularisme Barat terhadap politik dan agama telah disangkal dan dinafikan melalui pentakrifan politik di sisi Islam. Oleh itu, bagaimanakah politik yang dianjurkan oleh Islam. Apakah yang dikatakan politik Islam menjana kepada usaha perkembangan dakwah dan bagaimanakah dakwah melalui politik pada pandangan Islam.

2. Parti Islam SeMalaysia (PAS) merupakan salah satu parti politik yang berpengaruh di Malaysia. Gagasan yang wujud pada era 50-an ini telah memperjuangkan ideologi Islam dan menjadikan Islam sebagai lambang perjuangan mereka. PAS memang tidak asing lagi melalui sumbangannya kepada perkembangan dakwah Islam di Malaysia. Bahkan pembabitan PAS dalam kancah politik telah memberi ruang yang lebih luas kepadanya untuk berdakwah. Namun begitu, kewujudan PAS sebagai sebuah parti politik dan pada masa yang sama sebagai sebuah badan dakwah telah dianggap sebagai suatu perkara yang mustahil oleh sesetengah pihak. Rentetan daripada itu telah menyebabkan berlakunya beberapa isu dan kontroversi yang berkaitan dengan mempolitikkan agama dan mengagamakan politik. Berdasarkan kepada polemik tersebut, ianya telah mencetuskan beberapa persoalan. Antaranya ialah adakah amalan politik PAS relevan dengan politik yang dianjurkan Islam. Adakah PAS bergerak selari dengan kehendak syariat ataupun hanya untuk memenuhi kepentingan parti sahaja. Sejauhmanakah usaha dakwah yang dilakukan oleh PAS melalui fungsinya sebagai parti politik.



3. Kemunculan gerakan dan pertubuhan-pertubuhan dakwah Islam telah merancakkan lagi usaha dakwah di Malaysia. Namun begitu, kuantiti belum pasti dapat menjamin kualiti. Justeru, kesatuan di kalangan pertubuhan dakwah sangat penting dalam usaha untuk memperkasakan lagi dakwah Islamiah kepada seluruh lapisan masyarakat. Atas dasar inilah, pengkaji telah memilih dua gerakan Islam yang berpengaruh iaitu Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan Jemaah Tabligh. Sumbangan dakwah kedua-dua gerakan ini sememangnya tidak dinafikan bahkan mempunyai pengaruh dan pengikut yang sangat luas. Apa yang membezakannya ialah pandangan terhadap politik. Politik adalah satu perkara yang penting malah dijadikan platform bagi PAS untuk berdakwah manakala Jemaah Tabligh pula adalah sebaliknya. Apakah pandangan Jemaah Tabligh yang sebenar terhadap politik. Apakah persepsi mereka terhadap PAS sebagai sebuah pertubuhan dakwah dan pada masa yang sama sebagai sebuah parti politik. Bagaimana pula persepsi Jemaah Tabligh terhadap usaha dakwah yang dilaksanakan oleh PAS.

#### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Berdasarkan kepada tajuk dan permasalahan kajian di atas, maka tiga objektif kajian telah digariskan. Antaranya ialah :

1. Mengkaji konsep dakwah melalui politik dalam Islam.
2. Mengkaji pelaksanaan dakwah Parti Islam SeMalaysia (PAS) melalui politik.
3. Mengenalpasti persepsi Jemaah Tabligh di Masjid Jamek Bandar Baru Seri Petaling Kuala Lumpur terhadap dakwah Parti Islam SeMalaysia (PAS) melalui politik.

## 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Melalui kajian ini amat penting untuk menjelaskan bahawa dakwah melalui politik bukanlah sesuatu yang baru dalam konteks pelaksanaan dakwah Islam. Terdapat beberapa kajian terdahulu mengenai dakwah dan politik. Namun begitu, kajian terhadap persepsi Jemaah Tabligh terhadap dakwah Parti Islam SeMalaysia (PAS) merupakan satu kajian yang baru berasaskan kepada tinjauan dan pembacaan umum pengkaji.

Dalam konteks pengajian Islam khususnya dakwah, kajian terhadap dakwah dan politik merupakan bidang kajian yang belum meluas di Malaysia. Oleh itu kajian ini dapat menambah dan memantapkan lagi disiplin ilmu berkaitan dengan bidang dakwah dan politik.

Selain itu, kajian ini juga mempunyai kepentingan dari sudut literatur kerana ia dapat memperbanyakkan lagi literatur mengenai bidang dakwah dan politik. Dengan itu, kajian ini boleh digunakan untuk rujukan ahli akademik, pelajar, masyarakat serta para penyelidik untuk menjalankan penyelidikan seterusnya dalam bidang sama mahupun bidang yang berkaitan.

Kajian ini juga menjadi panduan kepada pertubuhan-pertubuhan dakwah untuk melihat betapa pentingnya politik dalam dakwah. Persepsi negatif dan pandangan buruk terhadap politik telah menyebabkan satu kerugian besar kepada para pendakwah. Ini kerana politik adalah wasilah dakwah yang berkesan dan pengaruh dakwah lebih berkesan melalui kuasa politik. Justeru, melalui kajian ini sangat penting dalam membina satu pemikiran di mana politik adalah satu juzuk daripada mauduk pendakwahan yang bermatlamatkan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Hasil kajian ini menjadi panduan kepada Parti Islam SeMalaysia (PAS) untuk merangka perancangan jangka panjang dan jangka pendek dalam usaha untuk terus

berdakwah melalui fungsinya sebagai parti politik. Ia juga amat berguna kepada pihak Parti Islam SeMalaysia (PAS) dalam mengimbangkan peranannya sebagai parti politik dan pertubuhan dakwah.

Seterusnya hasil kajian adalah penting kepada Jemaah Tabligh dan pertubuhan dakwah lain untuk mengetahui peranan Parti Islam SeMalaysia (PAS) sebagai pertubuhan dakwah. Hasil kajian juga akan menjadi sebagai salah satu kayu pengukur untuk melihat apakah persepsi sebenar Jemaah Tabligh terhadap politik dan dakwah Parti Islam SeMalaysia (PAS) khususnya.

## **1.6 SKOP KAJIAN**

Kajian ini memberi tumpuan kepada beberapa aspek utama iaitu kepada konsep dakwah melalui politik menurut perspektif Islam, dakwah PAS melalui politik, dan persepsi Jemaah Tabligh terhadap dakwah PAS. Dengan kata lain, kajian yang dijalankan ini adalah terbatas kepada dakwah melalui politik iaitu mengkhususkan kepada dakwah PAS sahaja.

Kajian ini mengambil kira pada masa terkini iaitu kajian lapangan yang dilakukan bermula tahun 2012. Manakala borang soal selidik diedarkan kepada responden pada tahun 2013 secara rawak bertujuan. Di antara ciri-ciri responden bagi kajian ini ialah beragama Islam, warganegara Malaysia, berumur 21 tahun ke atas, dan ahli Jemaah Tabligh yang hadir pada perhimpunan mingguan di Masjid Jamek Bandar Baru Seri Petaling Kuala Lumpur. Edaran soal selidik hanya dilakukan di sekitar Masjid Jamek Bandar Baru Seri Petaling Kuala Lumpur sahaja di mana ianya adalah pusat utama gerakan dakwah Jemaah Tabligh di Malaysia.

## 1.7 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Berdasarkan tinjauan awal, pengkaji mendapati terdapat beberapa kajian terdahulu telah dilakukan tentang dakwah melalui politik. Terdapat juga kajian yang telah dilakukan ke atas PAS sama ada dalam konteks parti politik mahupun dalam konteks sebuah pertubuhan dakwah. Walaubagaimanapun, pengkaji tidak menemui kajian terdahulu mengenai dakwah PAS berdasarkan persepsi badan-badan dakwah tertentu. Oleh itu, berdasarkan kepada dakwah melalui politik, pengkaji akan memfokuskan kajian terhadap Jemaah Tabligh untuk melihat persepsi mereka kepada dakwah melalui politik yang dilakukan oleh PAS. Di antara penulisan yang dianggap berkaitan dengan kajian ini ialah :

### 1.7.1 Berkaitan Dakwah Melalui Politik

Kajian Ahmad Nabil Bin Amir (2009) yang bertajuk *Sistem Politik Islam Di Zaman Nabi Muhammad S.A.W*<sup>20</sup> menjelaskan tentang sistem politik Islam dan pelaksanaannya oleh Rasulullah S.A.W dalam pemerintahan baginda di Madinah. Kajian ini juga menjelaskan tentang kesan terhadap pelaksanaan politik Islam kepada pembentukan sebuah negara Islam yang cemerlang sama ada dalam aspek pentadbiran, ekonomi, kewangan, dan dalam aspek agenda penyatuan umat Islam. Dengan memfokuskan pemerintahan Rasulullah S.A.W di Madinah, sistem politik Islam dilihat mampu memberi dimensi kecemerlangan ke arah pembangunan insan untuk membentuk kehidupan yang lebih baik berlandaskan kepada syariat Islam. Namun begitu, kesan pelaksanaan politik Islam kepada gerakan pendakwaan Islam tidak dijelaskan dengan terperinci melalui kajian ini.

---

<sup>20</sup> Ahmad Nabil Bin Amir, "Sistem Politik Islam Di Zaman Nabi Muhammad S.A.W," dalam *Jurnal Usuluddin*, 29 (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2009)

Ibrahim Che Noh (2005) bertajuk *Dakwah Dan Pemikiran Politik*<sup>21</sup> membincangkan persoalan sejauhmanakah dakwah dan pemikiran politik itu berlaku khususnya di peringkat awal perkembangan Islam. Hasil kajian yang dilakukan menjadi hujah dan bukti bahawa dakwah dan politik bukanlah dua perkara yang berasingan dalam Islam. Tidak ada pemisahan antara dakwah dan politik dalam Islam bahkan tindakan melakukan pemisahan antara keduanya akan mendatangkan kerugian kepada umat Islam itu sendiri. Ini kerana, politik adalah wasilah dakwah yang berkesan dan pengaruh dakwah lebih berkesan melalui kuasa politik. Namun begitu, skop kajian ini mengkhususkan kepada peringkat awal perkembangan Islam dan tidak menyentuh isu-isu semasa yang berkaitan dengan dakwah dan politik.

Anuar Puteh (2005) melalui kajiannya yang bertajuk *Konsep Kuasa Politik Negara (Daulah) Dan Perkembangan Dakwah*<sup>22</sup> menjelaskan tentang beberapa perkara yang berkaitan dengan negara (daulah) dan kepentingannya kepada perkembangan dakwah Islamiah bagi sesebuah negara atau masyarakat. Kuasa politik negara amat penting bagi menjaga dan melaksanakan usaha dakwah Islamiah. Ini kerana, Islam telah menjadikan daulah Islamiah itu sebagai satu kuasa untuk mempertahankan agama dan umat Islam serta untuk memperkembangkan dakwah Islam ke seluruh pelosok dunia.

Manakala kajian Amir Husin Mohd Nor (2005) yang bertajuk *Etika Politik Menurut Pandangan Sayyid Qutb*<sup>23</sup> menjelaskan tentang pandangan Sayyid Qutb berkaitan dengan etika politik. Di antara perbahasan yang dijelaskan

---

<sup>21</sup> Ibrahim Che Noh, "Dakwah Dan Pemikiran Politik," dalam *Dakwah Dan Etika Politik Di Malaysia*, ed. Zulkiple Abd. Ghani (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2005).

<sup>22</sup> Anuar Puteh, "Konsep Kuasa Politik Negara (Daulah) Dan Perkembangan Dakwah," dalam *Dakwah Dan Etika Politik Di Malaysia*, ed. Zulkiple Abd. Ghani (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2005).

<sup>23</sup> Amir Husin Mohd Nor, "Etika Politik Menurut Pandangan Sayyid Qutb," dalam *Dakwah Dan Etika Politik Di Malaysia*, ed. Zulkiple Abd. Ghani (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2005).

ialah tugas ahli politik Islam bukan sahaja menunaikan dan membela hak rakyat, malah yang lebih penting adalah mengajak rakyat kembali kepada kebenaran, menzahirkan dan menjelaskan Islam. Ini kerana matlamat politik Islam itu sendiri adalah untuk memandu dan mengajak manusia ke arah menghayati cara hidup Islam. Selain itu, terdapat juga kajian lain yang berkaitan seperti Khairul ‘Azmi Mohamad (2003) bertajuk *Kepimpinan Politik Dalam Islam : Satu Analisis Awal Dalam Konteks Malaysia*.<sup>24</sup>

Terdapat juga buku yang dijadikan rujukan untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan tajuk kajian. Antaranya ialah Yūsuf al-Qaraḍāwī (2007) *al-Dīn wa al-Siyāsah : Ta’shilun wa Raddu Shubuhāt*, ‘Alī ibn Muḥammad al-Māwardī (t.t.) *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah wa al-Wilāyāt al-Dīniyyah*, Ṣubḥī al-Ṣāliḥ (1976) *al-Nuzūm al-Islāmiyyah*, Ṣāfi al-Raḥmān al-Mubārakfūrī (2004) *al-Rahīq al-Makhtūm : Baḥṡh fi al-Sīrah al-Nabawiyyah `ala Ṣaḥībihā Afḍal al-Ṣalah wa al-Salām*, Muḥammad bin Muḥammad Abū Shuhbah (2009) *al-Sīrah al-Nabawiyyah fi Daw’ al-Qurān wa al-Sunnah*, Sa’id Ramaḍān al-Būṭī (1989) *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyyah*, ‘Abdul Karim Zaidan (2011) *Usul al-Da’wah : Sistem-Sistem Islam*, Khalid Ibn ‘Ali Ibn Muhammad (2008) *Sistem Politik Islam Menurut Al-Quran, Sunah Dan Pendapat Ulama Salaf*, Zaharuddin Abdul Rahman (2013) *Indahnya Politik Cara Islam*, Ab Aziz Mohd Zin (2012) *Strategi Dakwah Dalam Sirah Nabi S.A.W*, dan Zulkifli Mohd Yusoff dan Noor Naemah Abd Rahman (2011) *Biografi Muhammad Bin Abdullah : Perjalanan Hidup Seorang Nabi*.

---

<sup>24</sup> Khairul ‘Azmi Mohamad, “Kepimpinan Politik Dalam Islam : Satu Analisis Awal Dalam Konteks Malaysia,” dalam *Islam, Politik Dan Kerajaan*, ed. Khairul ‘Azmi Mohamad (Johor : Pejabat Ketua Penerangan Dan Penyelidikan Kerajaan Negeri Johor, 2003).

### **1.7.2 Berkaitan Pelaksanaan Dakwah Parti Islam SeMalaysia (PAS)**

Mujahid Bin Yusof (2007) melalui kajiannya yang bertajuk *Konflik Organisasi Dalam Parti Islam Dan Kesannya Terhadap Penubuhan Organisasi : Kajian Parti Islam SeMalaysia (PAS) Di Melaka*<sup>25</sup> menjelaskan tentang masalah konflik organisasi dalam sesebuah parti politik Islam dan kesannya kepada perubahan organisasi parti. Kajian ini telah memfokuskan kepada Parti Islam SeMalaysia (PAS) di Melaka. Melalui kajian ini juga telah menjelaskan bahawa kewujudan PAS sebagai sebuah parti politik Islam adalah sebahagian dari usaha berdakwah dan bukan semata-mata manifestasi politik. Malah PAS merupakan sebuah badan dakwah yang berpolitik secara parti dan menyertai pilihan raya. Namun begitu, perbincangan tentang pendakwaan PAS tidak diperincikan melalui kajian ini. Bahkan kajian ini lebih tertumpu kepada perbincangan yang berkaitan dengan konflik organisasi dan kesannya kepada PAS di Melaka.

Kajian Azahar Bin Yaakub @ Ariffin (2005) yang bertajuk *Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia*<sup>26</sup> menjelaskan tentang konsep dakwah Rasulullah S.A.W melalui strategi pembentukan negara Islam. Konsep tersebut telah digunakan pengkaji sebagai model kajian untuk melihat sejauhmanakah pelaksanaan dakwah PAS dalam usaha untuk membina sebuah negara Islam. Selain itu, kajian ini juga menjelaskan peranan PAS sebagai sebuah parti politik Islam dan sebagai sebuah pertubuhan dakwah yang aktif dalam mengembangkan dakwah Islam di Malaysia. Dalam proses pengumpulan data, kajian ini merupakan

---

<sup>25</sup> Mujahid Bin Yusof, "Konflik Organisasi Dalam Parti Islam Dan Kesannya Terhadap Penubuhan Organisasi : Kajian Parti Islam SeMalaysia (PAS) Di Melaka" (Tesis kedoktoran, Program Pengajian Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007).

<sup>26</sup> Azahar Bin Yaakub @ Ariffin, "Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Pelaksanaannya Oleh Parti Islam SeMalaysia" (Tesis kedoktoran Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005).

di antara sumber rujukan utama berdasarkan tajuk dan isu perbincangan yang telah dikupas. Namun begitu, kajian ini tidak membincangkan tentang isu-isu dakwah semasa, khususnya yang melibatkan PAS dengan pertubuhan-pertubuhan dakwah yang lain.

Khaled Bin Mat (2011) melalui kajiannya yang bertajuk *Tarbiah Dalam Parti Islam SeMalaysia Di Tanjong Malim, Perak : Kajian Tentang Aktiviti Dan Masalah*<sup>27</sup> membincangkan tentang pelaksanaan aktiviti tarbiah Parti Islam SeMalaysia (PAS) di Tanjong Malim, Perak. Kajian ini juga telah mengenalpasti beberapa permasalahan yang dihadapi dalam pelaksanaan aktiviti tarbiah tersebut. Secara keseluruhannya, kajian ini lebih merujuk kepada aktiviti tarbiah yang hanya terbatas kepada ahli-ahli PAS sahaja. Walaubagaimanapun, kajian ini telah menjadi rujukan kepada pengkaji untuk mendapatkan data dan maklumat tentang Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan peranannya sebagai sebuah badan siasah dan dakwah di Malaysia. Begitu juga dengan kajian Mohd Fadli Ghani (2003) yang bertajuk *Dewan Pemuda PAS: Suatu Kajian Terhadap Tahap-tahap Perkembangan Organisasi Dalam Era Bertindak, 1975-2003*<sup>28</sup>.

Kamarul Zaman Haji Yusoff (2004) melalui kajiannya yang bertajuk *PAS Dalam Era Mohd Asri Muda, 1965-1982*<sup>29</sup> membincangkan secara terperinci tentang sejarah Parti Islam SeMalaysia (PAS) di bawah kepimpinan Mohd Asri Muda sekitar tahun 1965 sehingga 1982. Kajian ini telah menjelaskan faktor-faktor yang membawa kepada kemunculan dan kejatuhan Mohd Asri Muda serta perkembangan yang berlaku ketika PAS berada di bawah kepimpinan beliau.

---

<sup>27</sup> Khaled Bin Mat, "Tarbiah Dalam Parti Islam SeMalaysia Di Tanjong Malim, Perak : Kajian Tentang Aktiviti Dan Masalah" (Disertasi, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011).

<sup>28</sup> Mohd Fadli Ghani, "Dewan Pemuda PAS: Suatu Kajian Terhadap Tahap-tahap Perkembangan Organisasi Dalam Era Bertindak, 1975-2003" (Disertasi Sastera, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2003).

<sup>29</sup> Kamarul Zaman Haji Yusoff, "PAS Dalam Era Mohd Asri Muda, 1965-1982" (Disertasi, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004).



Kajian ini terbatas kepada skop masa yang telah ditetapkan iaitu antara tahun 1965 sehingga 1982. Oleh itu, kajian ini dilihat sangat berkait rapat dengan perspektif sejarah. Walaubagaimanapun, kajian ini telah memberikan maklumat dan data khususnya yang berkaitan dengan Parti Islam SeMalaysia (PAS).

Badlihisam Mohd Nasir (2000) melalui artikel yang bertajuk *Falsafah Dakwah Parti Islam SeMalaysia (PAS) : Satu Tinjauan*.<sup>30</sup> Artikel ini memberi satu penerangan yang cukup baik dalam konteks politik dan dakwah. Tidak dinafikan bahawa dakwah bukan hanya terhad kepada saluran-saluran tertentu sahaja, malah artikel ini berpendapat politik merupakan salah satu landasan yang baik untuk berdakwah. Parti Islam SeMalaysia (PAS) merupakan sebuah parti politik dan pada masa yang sama juga berperanan sebagai sebuah pertubuhan dakwah Islam. Gerakan dakwah PAS adalah berdasarkan kepada falsafahnya yang tersendiri. Pembabitan PAS dalam arena politik tidak pernah dijadikan sebab untuk mengecualikannya daripada gerakan dakwah Islam. Bahkan melalui identiti dan ideologi Islam yang ditonjolkan oleh PAS semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat. Namun begitu, penjelasan dalam konteks pelaksanaan dakwah yang dilakukan oleh PAS tidak dibincangkan dengan terperinci melalui kajian ini.

Manakala Lukman Thaib (2000) melalui kajiannya yang bertajuk *Penubuhan Parti Politik Menurut Pandangan Islam*<sup>31</sup> telah menjelaskan sejarah kelahiran politik dalam Islam. Artikel ini juga telah menjelaskan kemelut politik yang berlaku di zaman pemerintahan ‘Uthmān Bin ‘Affān. Lantaran kesan daripada itu, artikel ini juga telah menjelaskan tentang kemunculan awal parti-

---

<sup>30</sup> Badlihisam Mohd Nasir, “Falsafah Dakwah Parti Islam SeMalaysia (PAS) : Satu Tinjauan” (Kertaskerja, Seminar Falsafah Dan Peradaban Pembangunan Di Alaf Baru, Bangi, Selangor, 11-12 September 2000).

<sup>31</sup> Lukman Thaib, “Penubuhan Parti Politik Menurut Pandangan Islam,” *Jurnal Syariah* 8, no. 2 (2000), 55-72.

parti politik di zaman klasik Islam. Artikel ini juga membincangkan tentang penubuhan parti menurut Islam. Walaupun wujudnya pendapat yang menafikan penubuhan parti politik, artikel ini tetap mempertahankan kewujudan parti politik di dalam Islam bukanlah sesuatu yang bertentangan dengan syariah, dengan syarat ianya adalah untuk tujuan kepentingan agama dan masyarakat.<sup>32</sup>

Ahmad Kamar Bin Abdul Rahman (1984) melalui hasil kajian beliau yang bertajuk *Parti Islam SeMalaysia Di Peringkat Negeri (Kedah) Dan Di Peringkat Kawasan (Kubang Pasu) : Satu Kajian Tentang Agama, Politik, Dan Kepimpinan*<sup>33</sup> telah menjelaskan bahawa kepimpinan Rasulullah S.A.W di Madinah sebagai satu contoh kepimpinan yang paling baik meliputi seluruh aspek. Malah syiar Islam yang utuh berdiri telah memberi kelebihan kepada dakwah Islam yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. Di samping itu, kajian ini juga telah mengupas dengan lebih lanjut dan terperinci mengenai kaitan di antara agama, politik dan kepimpinan dengan Parti Islam SeMalaysia (PAS). Aspek agama, politik dan kepimpinan telah diperincikan melalui apa yang telah Islam anjurkan dan kajian memfokuskannya kepada pelaksanaan oleh PAS. Kajian ini juga telah menerangkan sejarah perjalanan PAS dalam arena politik tempatan sebagai sebuah parti Islam. Namun begitu, perbincangan mengenai PAS dalam konteks peranannya sebagai sebuah pertubuhan dakwah tidak diperincikan melalui kajian ini.

Terdapat juga buku yang menjadi rujukan kepada pengkaji untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan pelaksanaan dakwahnya. Di antaranya ialah Nabir Abdullah (1976) *Maahad II*

---

<sup>32</sup> *Ibid.*, 72.

<sup>33</sup> Ahmad Kamar Bin Abdul Rahman, "Parti Islam SeMalaysia Di Peringkat Negeri (Kedah) Dan Di Peringkat Kawasan (Kubang Pasu) : Satu Kajian Tentang Agama, Politik, Dan Kepimpinan" (Tesis kedoktoran, Jabatan Antropologi Dan Sosiologi Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1984).

*Ihya Assyariff Gunung Semanggol : 1934-1959*, Nasharudin Mat Isa (2001) *50 Tahun Mempelori Perubahan : Menyingkap Kembali Perjuangan PAS 50 Tahun*, Safie Ibrahim (1981) *The Islamic Party Of Malaysia : Its Formative Stages And Ideology*, Ramlah Adam (2002) *Burhanuddin Al-Helmy : Suatu Kemelut Politik*, Abdul Rahman Abdullah (1977) *Pemikiran Islam Di Malaysia : Sejarah Dan Alirannya*, Hassan Shukri (2000) *Ke Arah Memahami Penubuhan, Perlembagaan, Pengurusan dan Pentadbiran PAS*, Chandra Muzaffar (1988) *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia*, Ismail Awang (1970) *Zulkifli Mohammad : Cita-Cita Politik*, dan Ibnu Hasyim (1993) *1950-2000 Sejarah Kebangkitan Dan Masa Depan : PAS Kuasai Malaysia*.

### **1.7.3 Berkaitan Jemaah Tabligh**

Syarul Azman Bin Shahrudin (2006) melalui kajian beliau yang bertajuk *Keberkesanan Metode Dakwah Jemaah Tabligh Masjid Jamek Bandar Baru, Seri Petaling, Kuala Lumpur*.<sup>34</sup> Kajian ini bermatlamat untuk mengkaji metode-metode dakwah Jemaah Tabligh dan mengenalpasti tahap keberkesanannya. Beliau turut mengkaji sambutan dan permasalahan yang dihadapi dalam mencapai keberkesanan metode dakwah yang digunakan oleh Jemaah Tabligh di Masjid Jamek Seri Petaling. Kecenderungan metode dakwah Jemaah Tabligh kepada aspek tarbiah rohani dan pendidikan menyebabkan aspek-aspek lain seperti ekonomi, politik dan sosial kurang diberikan perhatian. Namun begitu, situasi tersebut tidak dibincangkan dengan lebih lanjut oleh pengkaji kerana kajian beliau hanya terbatas kepada keberkesanan metode dakwah Jemaah Tabligh, sambutan dan permasalahan sahaja. Walaubagaimanapun, keperluan Jemaah Tabligh untuk

---

<sup>34</sup> Syarul Azman Bin Shahrudin, "Keberkesanan Metode Dakwah Jemaah Tabligh Masjid Jamek Bandar Baru Seri Petaling Kuala Lumpur" (Disertasi, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006).

peka kepada aspek politik, ekonomi ataupun isu-isu sosial hanya dinyatakan oleh pengkaji melalui saranan kajian kepada Jemaah Tabligh.<sup>35</sup>

Zaitun Binti Mohamed (2003) melalui kajiannya yang bertajuk *Dakwah Jemaah Tabligh di Markaz Fathul Ulum*<sup>36</sup> menjelaskan bahawa gerakan dakwah Jemaah Tabligh lebih memfokuskan kepada peningkatan ibadat dan kekuatan iman. Gerakan dakwah Jemaah Tabligh juga lebih menjurus kepada amalan tasawuf. Ini kerana prinsip-prinsip amalannya lebih mirip kepada prinsip amalan sufi. Di samping itu, gerakan dakwah Jemaah Tabligh tidak melibatkan diri dengan kegiatan politik untuk memastikan matlamat perjuangan dakwahnya tidak tersasar daripada apa yang telah digariskan. Pada masa yang sama, kajian ini tidak pula menjelaskan dengan lebih terperinci tentang politik pada pandangan dan persepsi ahli Jemaah Tabligh. Ini kerana perbincangan kajian ini hanyalah berkaitan dengan pendekatan dakwah Jemaah Tabligh di Markaz Fathul Ulum.

Zarifah Yusof (1999) melalui kajiannya yang bertajuk *Jemaah Tabligh di Dungun : Suatu Kajian Tentang Penerimaannya di Kalangan Masyarakat Dungun*<sup>37</sup> menunjukkan bahawa sebanyak 60% responden daripada kajian beliau telah menerima gerakan dakwah Jemaah Tabligh. Antara faktor tarikan ke atas penerimaan gerakan dakwah Jemaah Tabligh adalah kerana gerakan tersebut memberi penekanan terhadap pengamalan sunah nabi, penonjolan sikap terpuji di kalangan ahli serta bebas daripada pengaruh politik. Secara zahirnya, politik sememangnya merupakan di antara salah satu perkara yang tidak boleh disentuh ketika berada di dalam gerakan dakwah Jemaah Tabligh. Keadaan tersebut

---

<sup>35</sup> *Ibid.*, 177.

<sup>36</sup> Zaitun Binti Mohamed, "Dakwah Jemaah Tabligh di Markaz Fathul Ulum" (Latihan Ilmiah, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003).

<sup>37</sup> Zarifah Yusof, "Jemaah Tabligh di Dungun : Suatu Kajian Tentang Penerimaannya di Kalangan Masyarakat Dungun" (Latihan Ilmiah, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999).

mungkin akan mempengaruhi dan membentuk persepsi yang berbeza di kalangan ahli Jemaah Tabligh terhadap politik. Namun begitu, ianya tidak diperincikan melalui kajian ini.

Samsiah Abu Bakar (1992) melalui kajiannya yang bertajuk *Jemaah Tabligh : Peranannya Dalam Perkembangan Islam Masa Kini dan Pandangan Masyarakat Terhadapnya. Satu Tinjauan di Negeri Terengganu Darul Iman*<sup>38</sup> menjelaskan bahawa politik merupakan satu perkara yang tidak dibenarkan untuk dibawa ke dalam gerakan dakwah Jemaah Tabligh. Ini kerana, perbincangan-perbincangan yang berunsurkan politik dikhuatiri akan mewujudkan perselisihan pendapat dan perpecahan di kalangan ahli. Walaubagaimanapun, beberapa responden yang ditemui telah mendakwa secara terang-terangan terhadap keterlibatan mereka dengan parti-parti politik. Pada masa yang sama, kajian juga telah mendapati ada di kalangan responden yang menolak perihal politik semasa bahkan tidak mahu mengundi apabila menjelang musim pilihan raya. Kewujudan dua persepsi yang berbeza di kalangan responden kajian telah menimbulkan beberapa persoalan untuk melihat apakah persepsi sebenar ahli Jemaah Tabligh terhadap politik. Namun begitu ianya tidak dibincangkan melalui kajian ini.

Selain itu, pengkaji juga telah mengenalpasti beberapa kajian yang telah dilakukan berkaitan dengan persepsi. Walaupun sampel kajian yang digunakan berbeza, tinjauan pengkaji kepada kajian lepas yang berkaitan dengan persepsi telah banyak memberi bantuan khususnya kepada aspek metodologi kajian. Di antaranya ialah kajian Fakhru Adabi Abdul Kadir (2006) melalui kajian beliau yang bertajuk *Kelas Agama Di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat : Kajian*

---

<sup>38</sup> Samsiah Abu Bakar, "Jemaah Tabligh : Peranannya Dalam Perkembangan Islam Masa Kini dan Pandangan Masyarakat Terhadapnya. Satu Tinjauan di Negeri Terengganu Darul Iman" (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1992).

*Tentang Persepsi Masyarakat Dan Keberkesanannya.*<sup>39</sup> Kajian ini telah dilakukan ke atas beberapa masjid terpilih di kawasan Hulu Langat. Responden kajian adalah terdiri daripada masyarakat sekeliling dan ahli-ahli jemaah masjid. Di antara tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk melihat persepsi dan keberkesanan kelas agama yang telah dilakukan kepada masyarakat.

## 1.8 METODOLOGI KAJIAN

Salah satu di antara aspek penting dalam sesuatu kajian ialah penjelasan bagaimana kajian itu akan dilaksanakan oleh pengkaji. Penjelasan tersebut perlu meyakinkan pembaca bahawa pengkaji benar-benar tahu dalam melaksanakan kajiannya.<sup>40</sup> Melalui metodologi kajian akan menjelaskan reka bentuk sesuatu kajian, metode kajian, serta prosedur yang akan digunakan.<sup>41</sup> Othman Mohamed menyatakan bahawa metodologi adalah pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan bagi mengumpul data.<sup>42</sup> Manakala metodologi kajian kebiasaannya terdiri daripada dua iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan.<sup>43</sup> Melalui kajian ini, pengkaji akan menggunakan kedua-dua metode tersebut dalam proses pengumpulan data. Dari sudut reka bentuk kajian, kajian ini merupakan sebuah kajian yang menggabungkan bentuk kajian kuantitatif dan bentuk kualitatif. Kedua-dua bentuk kajian ini digunakan kerana ia saling melengkapi.<sup>44</sup>

---

<sup>39</sup> Fakhrol Adabi Bin Abdul Kadir, "Kelas Agama Di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat : Kajian Tentang Persepsi Masyarakat Dan Keberkesanannya" (Tesis kedoktoran, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006).

<sup>40</sup> Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah : Amalan Dalam Pengajian Islam* (Shah Alam : Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009), 62.

<sup>41</sup> Fakhrol Adabi Bin Abdul Kadir, "Kelas Agama Di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat : Kajian Tentang Persepsi Masyarakat Dan Keberkesanannya", 9.

<sup>42</sup> Othman Mohamed, *Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial Terapan* (Selangor : Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2001), 26.

<sup>43</sup> Universiti Malaya, *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam* (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, 2001), 15.

<sup>44</sup> W. Lawrence Neuman, *Social Research Methods : Qualitative and Quantitative*, Edisi Kelima (Boston : Allyn and Bacon, 2003), 139.

### **1.8.1 Kaedah Pengumpulan Data**

Secara umumnya, bagi menjalankan kajian ini pengkaji telah menggunakan dua kaedah atau metodologi kajian iaitu kajian perpustakaan (*Library Research*) dan kajian lapangan (*Field Research*)

#### **i. Kajian Perpustakaan**

Kajian atau penyelidikan perpustakaan merupakan bentuk kajian yang diaplikasikan oleh pengkaji untuk mendapatkan data serta gambaran awal tentang masalah kajian dan perbincangan berkaitan dengan tajuk kajian. Selain itu, kajian perpustakaan juga bertujuan untuk mendapatkan data bagi membina kekuatan landasan teori yang tepat dan mendalam bersesuaian dengan kajian yang akan dilakukan.<sup>45</sup> Justeru, dalam melengkapkan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa buah perpustakaan antaranya ialah :

1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya
2. Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya
3. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
4. Perpustakaan al-Mālik Faişal Pusat Asasi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilampuri, Kelantan
5. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
6. Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia
7. Perpustakaan Negara Malaysia
8. Perpustakaan Pusat Islam Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

---

<sup>45</sup> Fakhru Adabi Bin Abdul Kadir, "Kelas Agama Di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat : Kajian Tentang Persepsi Masyarakat Dan Keberkesanannya", 11.

Pengkaji membuat rujukan di perpustakaan untuk mendapatkan maklumat data serta bukti melalui bahan bertulis atau kajian ke atas dokumen dan rekod. Segala maklumat serta data yang telah diperolehi oleh pengkaji daripada perpustakaan tersebut dikemukakan sebagai bahan rujukan dalam disertasi ini. Melalui Kajian Perpustakaan ini juga pengkaji telah menggunakan dua metode pengumpulan data iaitu metode dokumentasi dan metode historis :

a. Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi merupakan suatu cara yang merujuk kepada penyelidikan terhadap dokumen-dokumen yang berkaitan dengan masalah yang diteliti.<sup>46</sup> Ianya meliputi penggunaan dokumen-dokumen berbentuk verbal seperti surat-surat, catatan harian, laporan bahan kajian, dan sebagainya.<sup>47</sup> Melalui metode ini secara keseluruhannya telah banyak membantu pengkaji untuk mendapatkan data-data yang berkaitan dengan tajuk kajian. Metode ini juga banyak digunakan oleh pengkaji terutama dalam Bab 1, Bab 2, Bab 3, dan Bab 4.

b. Metode Historis

Metode historis yang juga dikenali dengan metode sejarah adalah merupakan satu metode yang membuat penyelidikan ke atas perkara-perkara yang mengandungi perspektif sejarah.<sup>48</sup> Melalui metode ini juga akan dapat mengumpul pendapat-pendapat yang tepat mengenai sesuatu kejadian. Manakala data yang diperolehi oleh pengkaji adalah melalui tesis, disertasi, jurnal, latihan ilmiah, buku-buku, dan sebagainya. Dalam menyiapkan Bab 2 dan Bab 3 khususnya, pengkaji telah menggunakan metode ini sepenuhnya untuk mendapatkan maklumat tentang teori-

---

<sup>46</sup> Abdul Halim Mat Diah, *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi* (Kuala Lumpur : Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 1987), 117.

<sup>47</sup> Sartono Kartodirjo, *Metode Penggunaan Bahan Dokumen Dalam Metode-metode Penelitian Masyarakat* (Jakarta : P.T Gramedia, t.t), 44.

<sup>48</sup> Sidi Gazalba, *Pembimbing Latihan Ilmiah Dan Tesis* (Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1981), 77.



teori yang berkait dakwah melalui politik dalam Islam dan pelaksanaan dakwah melalui politik dalam sirah Rasulullah S.A.W. Selain itu, metode ini juga digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat berkaitan dengan sejarah penubuhan Parti Islam SeMalaysia (PAS) di Malaysia dan pelaksanaan gerakan dakwahnya sebagai sebuah parti politik. Dalam bab-bab lain, metode ini juga turut digunakan untuk memantapkan lagi fakta-fakta yang dikemukakan oleh pengkaji.

## **ii. Kajian Lapangan**

Kajian lapangan adalah merujuk kepada penyelidikan yang dibuat secara langsung ke atas objek yang dipilih dan diteliti untuk mendapatkan data dan fakta secara spesifik sekali gus untuk mengukuhkan lagi data yang diperolehi daripada kajian perpustakaan.<sup>49</sup> Melalui kajian lapangan ini, pengkaji telah menggunakan beberapa metode pengumpulan data yang bertepatan dengan kehendak penyelidikan iaitu melalui metode temu bual (wawancara), metode observasi (pemerhatian), dan metode soal selidik.

### **a. Metode Temu Bual (Wawancara)**

Temu bual merupakan salah satu di antara metode yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Melalui metode temu bual, pengkaji akan memperolehi maklumat yang lebih tepat dan lebih banyak daripada unit kajian meskipun perbelanjaannya mungkin lebih tinggi.<sup>50</sup> Idris Awang menyatakan bahawa melalui temu bual ilmiah bukan hanya menfokuskan kepada maklumat semata-mata malah reaksi individu yang ditemu bual juga perlu diberi perhatian termasuklah bahasa badan (*body language*), emosinya mahupun suasana dan gangguan yang

---

<sup>49</sup> Muhammed Bin Yusof, "Nasyid di Radio Dakwah : Kajian Terhadap Nasyid di Radio IKIM.FM" (Tesis kedoktoran, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012), 29.

<sup>50</sup> Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, c.6., (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2004), 21.

berlaku semasa sesi temu bual itu sedang berlaku.<sup>51</sup> Pengkaji juga akan dapat mengumpul pendapat, pemikiran, pandangan, dan pengalaman melalui metode temu bual antara pengkaji dengan informen.<sup>52</sup>

Pengkaji menjalankan beberapa sesi temu bual. Ia telah diatur dengan pengagihan masa tertentu ke atas informen-informen bagi mendapatkan data-data yang lebih terperinci, jelas dan tepat. Dengan kata lain, sebelum memulakan sesi temu bual pengkaji terlebih dahulu akan membuat temu janji dengan informen untuk memilih masa, tempat, dan keadaan yang sesuai. Sepanjang proses temu bual yang dijalankan oleh pengkaji, kaedah temu bual yang dijalankan adalah berasaskan temu bual secara separa berstruktur. Temu bual yang dijalankan adalah berpandukan soalan-soalan yang telah ditentukan, tetapi tidaklah terlalu mengikut struktur soalan yang disenaraikan.

Metode ini digunakan untuk menemu bual Presiden PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Tarbiah dan Perkaderan PAS Pusat, Ketua Penerangan PAS Pusat, Pengerusi Lajnah Penerangan dan Dakwah PAS Pusat, Pengarah Lajnah Tarbiah dan Perkaderan PAS Pusat, Pengarah Arkib, Pusat Penyelidikan PAS Pusat, serta individu-individu lain yang mempunyai autoriti untuk dijadikan informen dalam mendapatkan data yang tepat, lengkap, dan jelas. Dengan kata lain, metode ini banyak digunakan oleh pengkaji dalam Bab 3 iaitu untuk mendapatkan data dan maklumat tentang PAS dan pelaksanaan dakwah yang dilaksanakan.

Selain itu, metode temu bual juga digunakan dalam bab-bab yang lain untuk mengukuhkan fakta-fakta yang dikemukakan. Dalam Bab 4, metode ini

---

<sup>51</sup> Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah : Amalan Dalam Pengajian Islam*, 71.

<sup>52</sup> Marohaini Yusoff, "Pengutipan dan Pengumpulan Perlakuan dan Proses Menulis Karangan Dalam Bilik Darjah," dalam *Penyelidikan Kualitatif : Pengalaman Kerja Lapangan*, ed. Marohaini (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2001), 109.

juga digunakan oleh pengkaji untuk menemu bual individu-individu yang mempunyai autoriti dalam gerakan Jemaah Tabligh. Maklumat dan data yang dikumpul pengkaji melalui metode ini sekali gus akan memantap dan mengukuhkan lagi hasil dapatan kajian yang diperolehi melalui metode soal selidik yang juga telah digunakan oleh pengkaji dalam Bab 4.

#### b. Metode Observasi (Pemerhatian)

Pengkaji juga menggunakan metode observasi bagi mendapatkan maklumat tambahan yang sukar diperolehi melalui temu bual atau soal selidik. Ini kerana, melalui observasi pengkaji akan mendapat gambaran langsung tanpa perantaraan orang tengah,<sup>53</sup> sekali gus dapat mengukuhkan lagi maklumat yang telah diperolehi dengan lebih tepat.<sup>54</sup>

Metode ini banyak digunakan oleh pengkaji dalam Bab 3. Metode ini digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat tambahan yang akan memperkukuhkan lagi data yang telah terkumpul dalam Bab 3. Justeru, pengkaji telah melakukan pemerhatian terhadap pelaksanaan dakwah yang dilakukan oleh PAS. Pengkaji telah turut serta dalam beberapa program dakwah anjuran PAS selaku pendengar dan pemerhati kepada perjalanan program dakwah tersebut. Selain itu, pengkaji juga telah melakukan pemerhatian terhadap situasi peserta yang menjalani program yang diadakan bagi mendapatkan maklumat dengan lebih tepat lagi. Pengkaji juga telah melakukan pemerhatian terhadap isu-isu semasa yang melibatkan pelaksanaan dakwah PAS.

---

<sup>53</sup> Fakhrul Adabi Bin Abdul Kadir, "Kelas Agama Di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat : Kajian Tentang Persepsi Masyarakat Dan Keberkesanannya", 13.

<sup>54</sup> Suseela Malakolunthu, "Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif : Satu Imbasan," dalam *Penyelidikan Kualitatif : Pengalaman Kerja Lapangan*, ed. Marohaini (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya. 2001), 126.

### c. Metode Soal Selidik

Menurut Idris Awang, soal selidik adalah bermaksud rangkaian soalan yang dibina berasaskan kepada pembolehubah-pembolehubah yang sesuai untuk mendapatkan sejumlah data bagi menjelaskan masalah yang dikaji.<sup>55</sup> Penggunaan metode soal selidik sebagai alat pengukuran utama adalah lebih praktikal dan berkesan.<sup>56</sup> Dalam melakukan kajian terhadap Jemaah Tabligh yang mempunyai ribuan ahli, pengkaji akan menggunakan kaedah persampelan dalam soal selidik untuk menguji populasi yang besar seperti ahli Jemaah Tabligh.

Jumlah keahlian Jemaah Tabligh tidak dapat ditentukan secara tepat. Samsiah Abu Bakar menjelaskan bahawa jumlah sebenar orang yang mengikuti Jemaah Tabligh tidak boleh ditentukan secara tepat lebih-lebih lagi kewujudan Jemaah Tabligh sebagai satu jemaah yang tidak berdaftar atas nama sebuah organisasi.<sup>57</sup> Ini kerana, Jemaah Tabligh tidak mengehad dan membataskan penyertaan ahli. Malah keahlian Jemaah Tabligh tidak terikat dengan syarat-syarat tertentu dan boleh disertai seluruh Muslim pada bila-bila masa sahaja.

Pengkaji telah mengedarkan 200 set borang soal selidik hanya di sekitar kawasan Masjid Jamek Bandar Baru Seri Petaling Kuala Lumpur iaitu pusat utama gerakan dakwah Jemaah Tabligh di Malaysia. Namun begitu, hanya 178 set sahaja yang dikembalikan. Setelah ditapis, pengkaji telah mendapati 7 set daripadanya adalah rosak. Maka data yang sempurna hanya diperolehi daripada 171 set borang soal selidik sahaja. Jumlah responden seramai 171 sudah

---

<sup>55</sup> Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah : Amalan Dalam Pengajian Islam*, 76.

<sup>56</sup> Fakhrul Adabi Bin Abdul Kadir, "Kelas Agama Di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat : Kajian Tentang Persepsi Masyarakat Dan Keberkesanannya" 14.

<sup>57</sup> Samsiah Abu Bakar, "Jemaah Tabligh : Peranannya Dalam Perkembangan Islam Masa Kini dan Pandangan Masyarakat Terhadapnya. Satu Tinjauan di Negeri Terengganu Darul Iman", 84.

mencukupi untuk dijadikan sampel kajian terhadap populasi yang tidak dikenal pasti jumlahnya.

Ciri-ciri umum responden yang diperlukan dalam kajian ini telah ditetapkan. Antara ciri-ciri responden tersebut ialah beragama Islam, warganegara Malaysia, berumur 21 tahun ke atas, dan ahli Jemaah Tabligh yang hadir pada perhimpunan mingguan di Masjid Jamek Bandar Baru Seri Petaling Kuala Lumpur. Selain itu, responden juga mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang politik dan Parti Islam SeMalaysia (PAS).

Pengkaji telah memilih responden dengan menggunakan persampelan rawak mudah dan bertujuan (*purposive sample random sampling*). Persampelan rawak mudah ialah proses mengambil atau menggunakan sampel bilamana tiap-tiap individu dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih.<sup>58</sup> Manakala persampelan bertujuan pula merujuk kepada proses pengambilan sampel yang tidak semestinya mempunyai kuota yang perlu dipenuhi daripada strata tertentu. Persampelan bertujuan dilakukan untuk mendapatkan data dan maklumat daripada sampel yang bertepatan dengan kehendak objektif kajian.<sup>59</sup> Selain itu, persampelan bertujuan memerlukan kepada penyelidik untuk mengenalpasti sampel yang diambil supaya memenuhi ciri-ciri yang ditetapkan sebelum memilih mereka sebagai responden.<sup>60</sup>

### **1.8.2 Kaedah Analisis Data**

Melalui metode-metode pengumpulan data di atas, segala maklumat dan data yang diperolehi kemudiannya dianalisis dengan menggunakan metode-metode

---

<sup>58</sup> Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 73.

<sup>59</sup> Muhammed Bin Yusof, "Nasyid di Radio Dakwah : Kajian Terhadap Nasyid di Radio IKIM.FM", 33.

<sup>60</sup> Rohana Yusof, *Penyelidikan Sains Sosial*, (Pahang : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2004), 116-117.

tertentu. Dalam kajian ini, proses analisis dilakukan dengan menggunakan metode analisa deskriptif yang terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu :

i. Metode Induktif

Metode induktif merupakan satu metode yang merujuk kepada cara menganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian melalui hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum. Metode ini telah digunakan oleh pengkaji dalam Bab 4 untuk menganalisis data yang berkenaan persepsi Jemaah Tabligh terhadap dakwah PAS.

ii. Metode Deduktif

Manakala metode deduktif pula adalah bermaksud menganalisis data berdasarkan pola berfikir yang mencari bukti kepada dalil-dalil yang umum terhadap hal-hal yang khusus. Metode ini juga telah digunakan pengkaji dalam Bab 4 bagi tujuan analisis. Dalam kajian ini, proses penganalisisan data telah dilakukan dengan bantuan komputer. Data yang diperolehi daripada soal selidik telah dimasukkan dalam komputer dan diproses menggunakan perisian '*Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) 17.0 for Windows*'.<sup>61</sup> Teknik statistik yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah teknik statistik deskriptif. Statistik deskriptif ialah satu teknik untuk memperihalkan keadaan data yang terdapat pada sampel kajian.<sup>62</sup> Secara keseluruhannya, melalui penggunaan metode-metode di atas telah menjadikan penulisan dan penganalisisan data lebih mudah dan tersusun kerana metode-metode ini amat bersesuaian dengan tajuk kajian.

---

<sup>61</sup> Pengkaji telah mengambil kursus Kaedah Penyelidikan Lanjutan yang telah ditawarkan oleh Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya sebagai kursus wajib dan syarat yang perlu dipenuhi oleh pelajar yang sedang melanjutkan pengajian dalam bidang Sarjana Usuluddin secara kursus dan disertasi sesi 2011/2012. Melalui kursus Kaedah Penyelidikan Lanjutan ini, pengkaji telah diberi pendedahan dan penjelasan tentang perisian '*Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) 17.0 for Windows*' bagi tujuan pemantapan penggunaan perisian tersebut.

<sup>62</sup> Iran Herman, *Analisis Statistik Deskriptif*, (Kajang : Tekno Edar, 1994), 4.

## **1.9 KESIMPULAN**

Negara-negara Barat telah mengamalkan sistem politik yang secara total meletakkan agama di tempat yang berasingan. Kononnya demi mencapai kemajuan, walhal pada hakikatnya ia adalah satu agenda Barat yang sangat takut kepada kemunculan semula kuasa besar Islam. Atas sebab itulah para sarjana Islam telah bangkit dan menegaskan bahawa agama dan politik itu adalah satu perkara yang tidak dapat dipisahkan. Dalam konteks kewujudan Parti Islam SeMalaysia (PAS) dalam arena politik tempatan, sumbangan dakwah parti tersebut sememangnya tidak dinafikan dalam perkembangan dakwah Islam di Malaysia. Peranan PAS sebagai sebuah parti politik Islam telah mampu berdiri setanding dengan badan-badan dakwah yang lain. Walaupun melalui falsafah dakwah yang berbeza, gerakan dakwah Islam perlu kepada satu usaha yang bersatu padu meskipun melalui pentas yang berbeza. Kekuatan dakwah Islam perlu kepada komitmen para pendakwah daripada seluruh bidang sama ada ekonomi, politik, muamalat dan sebagainya. Tanggungjawab dakwah merupakan tanggungjawab setiap orang Islam dan dakwah tidak terhad kepada suatu cara sahaja.